

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 January 2016

'Sifat mesra itu lahir daripada lubuk hati Allahyarham, bukan dibuat-buat'

Tun Razak mudah mesra, penyayang

Oleh HUSSAINI AMRAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 JAN.

SESIAPA sahaja yang berse- muka dengan Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein walaupun buat kali pertama pasti tertarik dengan keperibadiannya yang mudah mesra.

Bagi Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, kenangan bertemu Allahyarham dalam majlis penyampaian sijil Program Pembangunan Eksekutif (PED) anjuran Institut Teknologi Mara (ITM) pada awal 1974 kekal terpahat dalam ingatannya.

Selain menerima sijil yang



Saya sentiasa mengenang Allahyarham sebagai seorang pemimpin yang lemah lembut, mudah mesra dan fokus kepada apa yang dibualkan."

MUSTAPHA YAAKUB
Setiausaha Veteran UMNO

disampaikan sendiri oleh Abdul Razak, Mustapha sempat berbual-bual dengan Allahyarham dalam

majlis yang dilangsungkan di Hotel Hilton Kuala Lumpur.

"Saya sentiasa mengenang Al-

lahyarham sebagai seorang pemimpin yang lemah lembut, mudah mesra dan fokus kepada apa yang dibualkan.

"Kemesraan jelas terpancar pada mimik wajahnya dan sesiapa yang melihatnya tahu bahawa sifat mesra itu lahir daripada lubuk hati Allahyarham, bukan dibuat-buat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, Abdul Razak turut mengucapkan tahniah kepadanya selepas diberitahu tentang tawaran kerja yang diterima daripada beberapa syarikat swasta termasuk Malayan Banking Berhad.

Menurut Mustapha, sepanjang perbualan, Allahyarham berbicara dalam nada suara yang penuh

naluri kebapaan serta mencerminkan sifat penyayang terhadap golongan yang lebih muda.

"Tutur kata Tun Abdul Razak menggambarkan keikhlasan hatinya dan saya dapat merasakan kasih sayang dalam setiap perkataan yang keluar daripada mulut Allahyarham," jelasnya.

Beliau berkata, kesediaan Abdul Razak meluangkan masa untuk menyampaikan sijil kepada sebanyak 70 lulusan PED pada malam tersebut menunjukkan keprihatinannya terhadap aspek pendidikan dan pembangunan kerjaya generasi muda bumiputera.

Lebih istimewa, Mustapha memberitahu, program yang mula ditawarkan di ITM Shah Alam pada 1972

itu diilhamkan oleh Abdul Razak.

"PED bertujuan melatih graduan-graduan universiti awam termasuk saya yang merupakan lulusan jurusan sastera daripada Universiti Malaya (UM) selama tiga bulan bagi mempertingkatkan kemahiran agar bersetujuan dengan kehendak sektor swasta," ujarnya.

Beliau turut menganggap permergian Perdana Menteri kedua itu pada 14 Januari 1976 sebagai salah satu peristiwa paling menyedihkan dalam hidupnya.

"Saya tidak dapat menahan kesedihan jantas mengalirkan air mata semasa menyambut ketibaan jenazah Allahyarham Tun Abdul Razak di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang," katanya.

Um - 14/1/2016